

Warga USIM prihatin OKU

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan program One Day Community Care di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Program itu pemangkin USIM melestarikan nilai murni di kalangan generasi muda, selain berkongsi kegembiraan bersama golongan kurang bemasib baik.

Pegawai Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed berkata, program bersama golongan itu mampu menyuntik kesedaran di kalangan mahasiswa supaya tidak meminggirkan sesiapa.

"Ini menjadi landasan USIM dalam melahirkan mahasiswa mentaliti kelas pertama selain menyedarkan mereka tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai bakal pemimpin.

"Pengalaman itu mampu menjadikan mereka warga



GEMBIRA...aksi kanak-kanak yang gembira dengan aktiviti dijalankan.

masyarakat prihatin dan mempunyai kesedaran membantu golongan memerlukan," katanya.

Program ini disertai 50 mahasiswa USIM dan 37 anak istimewa yang menjalankan aktiviti dalam tiga segmen utama iaitu One Personal Touch yang memberi peluang mahasiswa bersama kanak-kanak secara peribadi sepanjang sesi berlangsung dengan diberi

peluang membantu tugas seharian secara individu.

Segmen kedua, One Pocket Motivation menggunakan pendekatan unik dan kreatif melalui elemen kesenian dengan berkongsi nilai jati diri dalam pengucapan selawat dan lagu patriotik manakala One Arts Therapy menerapkan manifestasi seni budaya kebangsaan dalam Gagasan Satu Malaysia.